



كامرکتوا حاکم شرعي محکمہ شرعية نكري ملاک

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH MELAKA,

JALAN AYER KEROH LAMA, HANG TUAH JAYA,

75450 MELAKA

Tel. Pejabat : 06-233 2050

Fax : 06-231 1275

Laman Web : www.mahsyariahmelaka.gov.my

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ()

Tarikh : 11 Februari 2016

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.1 TAHUN 2016

Penjelasan Lanjut Seksyen 31 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002 "Pendaftaran Perkahwinan Luar Negeri Oleh Orang Yang Bermastautin Dalam Negeri Melaka"

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Muzakarah Isu Perundangan Dan Penyelarasan Perundangan Antara Jabatan / Agensi Agama Negeri Melaka Bil.2 tahun 2015 pada 15 hingga 17 Disember 2015 di Hotel Palm Garden, IOI Resort City, Putrajaya telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Perkahwinan Luar Negeri yang dimaksudkan dalam seksyen ini ialah :
 - i. Perkahwinan / pernikahan yang **mendapat kebenaran** dari mana-mana Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (NCR) tetapi adalah sah mengikut Hukum Syarak, dan;
 - ii. Bukan diadakan oleh Pendaftar NCR di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul Malaysia di luar negeri.
2. Dalam tempoh enam bulan dari tarikh akad nikah, perkahwinan tersebut boleh didaftarkan oleh Pendaftar NCR sekiranya berpuas hati untuk mendaftarkan perkahwinan tersebut.
3. Surat Pekeliling Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka Bil.2 Tahun 2015 adalah berkaitan.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

"SYARIAH ASAS KEADILAN"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie

Mahkamah Syariah Negeri Melaka